

Terbuka Johor 2013

Orang ramai dipelawa menyertai Pertandingan Seni Khat Terbuka Johor 2013 dengan memilih petikan ungkapan dan puisi Sasterawan Negara (SN) Ke-3, Allahyarham Datuk (Dr) Usman Awang yang dibuka sehingga 15 November.

Pertandingan anjuran Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama Galeri Seni Johor ini adalah satu usaha berterusan bagi memelihara dan mengembangkan seni khat agar terus berkembang dan dimartabatkan terutama di Johor.

Peserta mestilah warganegara Malaysia berumur 16 tahun ke atas dan boleh memilih menyertai sama ada Kategori A bagi karya siap, sama ada di atas kanvas, kayu atau logam mahupun Kategori B, iaitu khat spontan membabitkan penyertaan terbuka dan pelajar sekolah.

Karya mestilah berukuran 91.5 cm x 122 cm dan hendaklah diserahkan kepada urus setia pertandingan dalam bentuk berbingkai serta sedia untuk dipamerkan, selain mestilah karya asli dan tidak pernah menyertai atau menang dalam apa juga pertandingan.

Peserta diwajibkan menggunakan tulisan khat nasakh, khat thuluth, khat kufi, khat jaly diwani dan karya yang menang menjadi hak milik penuh penganjur untuk mencetak,

Pemenang akan menerima wang tunai dan cenderamata bernilai RM5,000 manakala pemenang sagu hati wang tunai RM500 dan karya lengkap hendaklah dihantar ke alamat Pertandingan Seni Khat Terbuka Johor 2013, Galeri Seni Johor, JKR 144 Jalan Petrie, 80100 Johor Bahru, Johor Darul Takzim.

Maklumat lanjut hubungi urus setia di talian 07-2263266 atau 07-2245488, faksimile 07-2267288, layari laman sesawang Yayasan Warisan Johor <http://www.ywj.gov.my> bagi mendapatkan borang dan syarat penyertaan lengkap.

Anugerah Buku Perdana 2013

Penerbit buku diminta menghantar pencalonan bagi merebut 10 kategori Anugerah Buku Perdana 2013 anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara yang akan berlangsung pada 11 Disember.

Pengerusinya, Hasan Hamzah, berkata anugerah itu memberi pengiktirafan kepada 26 kategori, tetapi 10 saja dipertandingkan, manakala bakinya diberikan kepada pemenang atas budi bicara penganjur atas semangat penghargaan kepada mereka yang terbabit dalam industri buku.

"Mereka ini mungkin penulis yang sudah menulis untuk 20 tahun dengan sejumlah karya, tetapi karyanya kurang laris, tidak pernah memenangi anugerah penulisan dan kurang dikenali pembaca. Mungkin juga mereka adalah editor yang sudah mengedit ratusan buku, membimbing penulis hingga menjadi terkenal," katanya.

Antara kategori yang dipertandingkan ialah buku kanak-kanak, buku bersiri, buku khazanah warisan terbaik, buku biografi, buku terjemahan (fiksyen), novel remaja dan novel dewasa, manakala kategori yang tidak dipertandingkan termasuklah penerbit laris di pasaran dan editor terbaik di samping dua kategori, iaitu Anugerah Buku Perdana dan Anugerah Industri Buku.

Anugerah Buku Perdana adalah sebahagian daripada acara bersempena Ekspo Buku Malaysia yang bakal berlangsung pada 11 hingga 15 Disember, manakala maklumat lanjut layari laman sesawang <http://www.ypbn.org.my> atau hubungi Hasan di talian 012-3182551 atau e-mel hasanypbn@yahoo.com

Sayembara Menulis Cerpen Wilayah Timur

Sayembara Menulis Cerpen Wilayah Timur yang dibuka kepada anak kelahiran atau mereka yang bermastautin di Kelantan dan Terengganu dibuka hingga 21 November dan mereka yang berminat dijemput menyertainya.

Dua kategori sayembara ini dibuka untuk penyertaan peserta dewasa dan pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 6, manakala temanya bebas dengan panjang teks dikehendaki dalam lingkungan 1800 hingga 2000 patah perkataan.

Sayembara anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Wilayah Timur bersempena Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) 2013 itu menawarkan hadiah wang tunai RM1,500 untuk juara, kedua (RM1,200), ketiga (RM800) dan lima hadiah sagu hati RM500 setiap satu.

Juara kategori pelajar sekolah menengah bakal memenangi wang tunai RM800; kedua (RM600), ketiga (RM400) dan lima hadiah sagu hati RM250 setiap satu dan cerpen perlu disertakan borang penyertaan di laman Facebook DBP dengan menaiki www.facebook.com/DBP Wilayah